

SURAT PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 1993

PERATURAN-PERATURAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI JABATAN-JABATAN DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Am ini mengandungi peraturan-peraturan bagi pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan-Jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menjamin kelicinan dan keharmonian perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

2. PEMAKAIAN

2.1 Surat Pekeliling Am ini adalah meliputi semua pegawai dan anggota perkhidmatan Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri, dan ditempatkan di jabatan-jabatan, pihak-pihak kuasa tempatan dan badan-badan berkanun di bawah bidangkuasa Pentadbiran Kerajaan Negeri. Selepas ini, pegawai-pegawai yang berkenaan adalah disebut sebagai "pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan", dan agensi-agensi di mana mereka ditempatkan disebut sebagai "pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan" di dalam perenggan-perenggan yang berikut di dalam Surat Pekeliling Am ini.

3. PERATURAN-PERATURAN

3.1 Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:-

Pematuhan Kepada Dasar

3.1.1 Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan hendaklah mematuhi dasar pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan. Sekiranya dasar pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan itu didapati bercanggah dengan dasar Kerajaan Persekutuan, maka mereka dikehendaki merujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan keputusan.

3.1.2 Bagi maksud perenggan 3.1.1 "dasar Kerajaan Persekutuan" termasuk mana-mana dasar negara yang dibentuk oleh mana-mana badan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan

Persekutuan atau oleh mana-mana badan lain, sama ada diperbadankan menurut undang-undang Persekutuan atau sebaliknya.

Pematuhan Kepada Arahan dan Peraturan

3.1.3. Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan hendaklah mematuhi arahan dan peraturan pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan arahan atau peraturan Kerajaan Persekutuan. Sekiranya arahan dan peraturan itu didapati bercanggah dengan arahan dan peraturan Kerajaan Persekutuan, maka mereka hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan keputusan.

Kehadiran Di Majlis dan Upacara Rasmi

3.1.4 Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan boleh menghadiri majlis dan upacara rasmi seperti taklimat, upacara sambutan rasmi, lawatan rasmi dan sebagainya yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan. Mereka hendaklah juga menghadiri majlis dan upacara yang serupa yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan, jika dijemput atau dikehendaki hadir. Sekiranya berlaku keadaan di mana pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan perlu membuat pilihan antara majlis dan upacara anjuran Kerajaan Negeri dengan majlis dan upacara anjuran Kerajaan Persekutuan, maka mereka hendaklah memberi keutamaan kepada majlis atau upacara yang lebih berkaitan dengan tugas rasmi jawatannya. Sekiranya mereka tidak dapat membuat keputusan sendiri, maka mereka hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan keputusan.

Tatakelakuan dan Tatatertib

3.1.5 Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan hendaklah setiap masa mematuhi tatakelakuan yang ditetapkan bagi pegawai-pegawai Persekutuan yang lain seperti yang terkandung dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatertib) (Bab D) dan juga di dalam lain-lain peraturan dan arahan mengenai tatakelakuan dan tatatertib yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa. Mereka adalah terus tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Pengurusan

3.1.6 Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan adalah tertakluk kepada semua peraturan, arahan dan garis panduan mengenai kemajuan pentadbiran, pengurusan personel dan kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan oleh pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan. Sekiranya peraturan, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan bercanggah dengan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, maka mereka hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan keputusan.

4. AM

4.1 Semua urusan perkhidmatan dan kemajuan kerjaya pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan seperti penempatan, kenaikan pangkat, latihan dalam perkhidmatan dan penilaian prestasi tahunan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Kenaikan Pangkat, Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)

Ketua Setiausaha Negara